

SEJARAH SEKOLAH

Sekolah Kebangsaan Ladang Pamol terletak berhampiran petempatan berkelompok ladang kelapa sawit milik Pamol Plantations Sdn. Bhd. dengan jarak dari bandar Kluang kira-kira 15km.

Sekolah ini pada awal penubuhannya menumpang bangunan papan rumah pekerja ladang pada tahun 1956 dan dikenali sebagai Sekolah Umum Estate.

Pada tahun 1962 nama sekolah ditukar kepada Sekolah Melayu Ladang Pamol dengan 2 orang tenaga pengajar dan seorang Guru Besar, Allahyarham En. Rahmat b. Sungip. Bilangan kelas pula terdiri daripada darjah 1 dan darjah 2 dengan murid berjumlah 26 orang.

Pada tahun 1967, bilangan kelas ditambah hingga darjah 5 dan darjah 6 pada tahun berikutnya. Pada tahun 1968 juga nama sekolah ditukar kepada Sekolah Kebangsaan Ladang Pamol.

Pada tahun 1973, sebuah bangunan baru didirikan terdiri daripada 1 blok bangunan 2 tingkat yang mengandungi 6 bilik darjah, 1 bilik Guru Besar, 1 pejabat, 1 bilik guru, 1 stor, 2 tandas guru, dan 2 tandas murid.

Keperluan pendidikan masa kini telah memaksa Kementerian Pendidikan pada tahun 1997 untuk menambah 1 blok lagi bangunan 3 tingkat yang lengkap dengan kemudahan fizikal seperti Pusat Sumber, Makmal Komputer, Bilik Sains, Bilik Muzik, Bilik SPBT, Bilik Guru, Bengkel Kemahiran Hidup, tandas, dewan, dan 5 bilik darjah. Bangunan tambahan ini mula beroperasi pada 6 September 1999.

OBJEKTIF SEKOLAH

1. Kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum
2. Guru dan kakitangan yang berkesan
3. Iklim persekitaran sekolah yang selesa
4. Perhubungan staf yang komprehensif
5. Perhubungan insan dan masyarakat yang muhibah

FALSAFAH SEKOLAH

Untuk Melahirkan Insan Yang Seimbang dan Berilmu
Agar Dapat Berbakti
Kepada Negara, Bangsa dan Agama

VISI SEKOLAH

Warga SKLP
Sentiasa Berusaha
Untuk Meningkatkan
Kecemerlangan Kurikulum
Dan Ko-kurikulum

MISI SEKOLAH

Membangunkan Pengurusan
Sekolah yang Berkualiti
Untuk Kecemerlangan
Akademik dan Ko-kurikulum
Sejarah dengan Aspirasi
Dan Falsafah Pendidikan Negara



PENTADBIRAN & PENGURUSAN 2005

GURU BESAR (DGA34)
Tn Hj Ishak bin Osman

GURU PEN. KANAN 1 (DGA32)
Encik Ali bin Udon

GURU PEN. KANAN HEM (DGA32)
Puan Norsiah bte Haji Idris

GURU PEN. KANAN KOKURIKULUM (DG41)
Puan Rohayah bte Sidek

STAF AKADEMIK
Cik Juzaidah bte Jamil (DG41)
En. Norhisyam bin Mohamad (DGA29)
Cik Noor Hidayah bte Adzmi (DG41)
En. Mohd Nadzri @ Sam bin Dagang (DGA29)
Cik Elisnida bte Mohamed (DB27)
Pn. Marina bte Basri (DGA29)
Pn. Rafieah bte Suman (DGA29)
Pn. Irna Ariayati bte Ahmad (DGA29)
En. Shashi Raj a/l Supramaniam (DGA29)
Cik Fauziah bte Samsudin (DC41)
En. Kamaruzzaman bin Muhamad (DGA29)
Pn. Rosmawati bte Tumin (DGA29)

STAF BUKAN AKADEMIK

Pembantu Tadbir N9

En. Mohd Tahir bin Hamdan

Pembantu Am Rendah N17

En. Nasri bin Suhot

Pembantu Pra Sekolah

Pn. Wahida bte Mohd Ali

Pembersih Swasta

Pn. Selamah bte Abdullah

Pn. Fatimah bte Abd Kadir

En. Kamisan bin Paidin

En. Satijan bin Sarjono

Pengawal Keselamatan Swasta

En. Mohd Noor

En. Husin